

Tiada lagi solat Jumaat berasingan 13 di Terengganu

UM 21 DEC 1999

KUALA TERENGGANU 20 Dis. — Setiausaha Badan Perhubungan Pas Terengganu, **Mustafa Ali** berkata, isu sembahyang Jumaat berasingan di negeri ini tidak wujud lagi berikutan perpaduan masyarakat Islam.

Beliau yang juga Naib Presiden Pas Pusat berkata, kerajaan negeri telah mengambil langkah menyeru masyarakat agar bersatu kembali terutama demi keharmonian dan keutuhan agama.

"Kita sudah seru agar semua kembali semula, sekarang semua itu dalam proses," katanya kepada pemberita selepas majlis mengangkat sumpah Ahli Dewan Undangan Negeri di sini hari ini.

Menurut Mustafa, sudah banyak tempat yang menghapuskan amalan sembahyang Jumaat berasingan di negeri ini.

"Setakat yang saya dapat maklumat sudah tiada situasi sebegitu di negeri ini," katanya.

Ketika ditanya jumlah kawasan yang terlibat dengan keadaan sedemikian beliau berkata, perkara itu sudah lama dan beliau tidak ingat mengenainya.

Isu sembahyang Jumaat berasingan di satu penempatan di negeri ini sudah berlarutan sejak 20 tahun lalu yang melibatkan beberapa buah kampung.

Antara kampung yang terlibat termasuk Kampung Banggol, Kampung Seladang, Kampung Buluh dan Kampung Rahmat di daerah Setiu dan beberapa kampung di Besut.

Kejadian tersebut pernah mendapat bantahan daripada kerajaan Barisan Nasional (BN) yang memerintah sebelum ini namun

tidak diendahkan oleh ahli-ahli Pas.

Sementara itu Mustafa berkata, perpaduan masyarakat Islam di negeri ini semakin utuh selepas pilihan raya bar-u-bar-u ini.

"Ini terbukti di kawasan saya.. masyarakat sendiri telah mengambil langkah untuk memastikan perpaduan terus diutuhkan," katanya.

Dalam pada itu beliau berkata, nama Unit Perpaduan Ummah (UPU) yang diasaskan oleh kerajaan BN Terengganu dahulu ditukar kepada Unit Pembangunan Insan (UPI).

Menurut beliau, pendekatan unit berkenaan adalah lebih menumpukan terhadap pembangunan masyarakat dalam bidang agama.

Latih

Mengenai kakitangan unit terbabit, beliau berkata, kebanyakan pekerja terbabit bekerja berdasarkan kontrak perkhidmatan.

"Jika kontrak mereka telah habis bermakna habislah. Kita latih yang lain pula dan kalau yang lama hendak dikekalkan, perlu dibincangkan," katanya.

Mengulas kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad bahawa kekalahan BN disebabkan fitnah yang dibuat parti pembangkang beliau berkata, itu adalah keputusan post-mortem BN.

"Bagi Pas sendiri post-mortem kami menyifatkan kekalahan BN disebabkan parti sendiri melemparkan banyak fitnah terhadap pakatan pembangkang," katanya.